KENYATAAN MEDIA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASiL/2025/06/24 – 54

FORMAT DAN CONTOH BAUCAR DIVIDEN BAHARU KINI TERSEDIA DI PORTAL RASMI HASiL

Susulan pembentangan Belanjawan 2025 oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan cukai ke atas pendapatan dividen yang diterima oleh pemegang saham individu. Melalui inisiatif ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) akan mengenakan cukai pada kadar dua peratus (2%) ke atas jumlah pendapatan dividen yang melebihi RM100,000 setahun berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran (TT) 2025. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha memperkukuh sistem percukaian negara secara inklusif dan menepati keperluan semasa ekonomi negara.

Selaras dengan pelaksanaan ini, syarikat yang membayar, mengkredit atau mengagih dividen yang diperoleh dari Malaysia adalah diwajibkan untuk mengeluarkan perakuan atau baucar dividen kepada pemegang saham individu. Keperluan ini adalah tertakluk di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dan bertujuan untuk menyatakan amaun kasar dividen serta amaun yang dibayar atau dikreditkan kepada pemegang saham. Sekiranya dividen dibayar dalam bentuk harta tanah, nilai pasaran pada masa agihan dividen dibuat kepada pemegang saham hendaklah ditunjukkan dalam baucar dividen.

Bagi memudahkan pelaporan dan pematuhan kepada keperluan ini, HASiL telah menyediakan Format dan Contoh Baucar Dividen baharu yang boleh dimuat turun mengikut panduan mudah seperti yang berikut:

i. Layari Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my

ii. Klik menu **Borang > Format Baucar Dividen**

Pembayar cukai khususnya syarikat adalah digalakkan untuk merujuk dan menggunakan format yang telah disediakan bagi memastikan pengisian maklumat berkaitan dividen dilakukan secara teratur, telus dan menepati keperluan percukaian semasa.

HASiL percaya bahawa pelaksanaan inisiatif ini akan terus menyokong usaha pemerkasaan sistem percukaian negara secara progresif melalui amalan pematuhan yang lebih sistematik serta meningkatkan tahap integriti dalam tadbir urus hasil negara.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
b) HASiL Live Chat; dan
c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE BEYOND LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 24 Jun 2025

LAMPIRAN

THIS SAMPLE IS JUST A GUIDE

ABC SDN. BHD.
(Incorporated in Malaysia under Company No. 123456-M)

MALAYSIAN DIVIDEND VOUCHER

WARRANT NO.	DIVIDEND NO.	TYPE OF DIVIDEND	FOR YEAR ENDED	FOR SHARES REGISTERED ON	SHAREHOLDING	DATE OF PAYMENT
128	27	FIRST & FINAL	30 JUNE 2025	30 APRIL 2025	1,000	10 MAY 2025

CATEGORY OF DIVIDEND	DIVIDEND RATE	GROSS DIVIDEND (RM)
EXEMPT DIVIDEND	5%	RM50.00
SINGLE TIER DIVIDEND	10%	RM100.00

HUSAINI BIN ABU 358, Jalan Liku 2/4, 45000 Serdang, Selangor Darul Ehsan.	**CDS A/C No.: 1765248**

FOR ABC SDN. BHD.
SILVIA ONG
Company Secretary

1. We hereby certify that the exempt dividend is paid out of dividend income in respect of which Income Tax has been exempted under **(please provide the relevant legal provisions for the category of exempt income from which the exempt dividend is paid)**.
2. We hereby certify that no tax is deductible from the single tier dividend under subsection 108(1) of the Income Tax Act 1967. The single tier dividend is not taxable in the hands of the shareholders **other than an individual** pursuant to paragraph 12B of Schedule 6 of Income Tax Act 1967.

Note: For an individual who receives one or more dividend vouchers, where the total gross dividend, other than dividend which is exempt in the hands of the shareholder, exceeds RM100,000.00, the individual must declare the dividend income as part of their aggregate income pursuant to paragraph 6(1)(r) of the said Act.

NOTE: (i) Where the date of payment for each category of dividend is different, separate dividend vouchers should be prepared.
(ii) Where the dividend consists of property other than money, the gross dividend shall include the amount of the market value of that property at the time of the distribution of the dividend.
(iii) The date of payment refers to the date on which the dividend is paid, distributed or credited by the company to the shareholders.
(iv) The above example is just for illustration and only the relevant category/categories of dividend paid should be shown in the actual dividend voucher.
(v) The legal provisions relevant to the category of exempt income from which the exempt dividend is paid should be stated accurately in Paragraph 1 above whenever applicable.

(Amended: 13th June 2025)

Contoh Baucar Dividen yang harus dikeluarkan kepada pemegang saham individu bagi menyatakan amaun kasar dividen dan amaun yang dibayar atau dikreditkan mulai TT 2025.

HASIL_MALAYSIA HASILMALAYSIA